

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 12 TAHUN 1977

PERMOHONAN UNTUK MENDAPAT KEBENARAN DI BAWAH BAB 13(A) UNDANG-UNDANG SIMPANAN TANAH BAGI ANAK-ANAK MELAYU 1930 DARIPADA KETURUNAN ‘SYED’ ATAU ‘SHEIKH’ ATAU ‘KHAN’ PERANAKAN KELANTAN

MMK telah bersidang pada 12.6.1976 selepas menimbang kertas bil 10/401/76 telah bersetuju mewakilkan kuasa kepada YAB Dato' MB dan YB Tuan Timbalan M.B. untuk menimbang dan meluluskan permohonan di bawah Sek Kecil (i)(b) dan (i)(c) daripada Sek.13A Enakmen Simpanan Tanah bagi Anak-anak Melayu Bil. 19/1930. Perwakilan kuasa itu adalah khas mengenai permohonan-permohonan daripada mana-mana orang bukan Melayu peranakan Kelantan (natives of Kelantan) yang berketurunan 'Syed' atau 'Sheikh' atau 'Khan' sahaja.

2. MMK yang bersisang pada 17.4.1977, selepas menimbang kertas bil 7/384/77/38 telah membuat keputusan supaya tafsiran atau takrif perkataan 'Syed' atau 'Sheikh' atau 'Khan' itu dimasukkan dan diperluaskan lagi kepada mereka yang terdiri daripada golongan bukan Melayu peranakan Kelanyan yang berketurunan dari mereka yang berikut dan lain-lain yang beragama Islam:

- (a) Arab
- (b) Indo – Pak – sub – continent
- (c) Turki
- (d) Indonesia
- (e) lain-lain keturunan mengikut fikiran PTG yang boleh diterima sebagai termasuk dalam golongan-golongan (a) (b) (c) dan (d) di atas.

3. Penambahan ini telahpun disiarkan dalam Warta Kerajaan Kelantan pada 28.4.1977 bagaimanapun Kn. PU no 21/1977
4. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling PTG bil 15/1976 yang dikeluarkan pada 14.11.1976.

t.t
(Mohd Tajol Aros bin Ahmad)
Pengarah Tanah Dan Galian
Kelantan

KEPADA:

Semua P.H.T dan Penolong P.H.T Kelantan.
Ketua Jajahan Kecil, Gua Musang.

SALINAN KEPADA:

Y.B Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan.
Y.B Dato' Pegawai Kewangan Negeri, Kelantan.
Y.B. Tuan Penasihat Undang-Undang Negeri, Kelantan
Juru Odit Negeri Kelantan
Pengarah Ukur Negeri Kelantan
Pengarah L.K.T.N Kelantan.
Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Kelantan
Pegawai Tadbir & Pegawai Pasukan Petugas Pejabat PTG

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN, KOTA BHARU**

FAIL : PTG.(KN). 9/76/(17)

KOTA BHARU : 23HB. JULAI, 1977